

UMS hantar mahasiswa ke Himpunan Iktiraf Kebangsaan

UM 17.12.2014 26

KOTA KINABALU 16 Dis. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) menghantar lima mahasiswa ke program Himpunan Ikatan Hati Warga Felda (Iktiraf) Kebangsaan yang berlangsung di Dataran Pancarona Putrajaya, baru-baru ini.

Rombongan mahasiswa tersebut diketuai Pengurus Permufakatan Siswa Siswi Felda (Persada) UMS, Datu Rosman Datu Ahir Zaman yang juga anak jati Felda Sahabat, Lahad Datu.

Menurut Datu Rosman, pelbagai pengalaman berguna diperoleh sepanjang mengikuti program selama tiga hari yang dihadiri lebih 25,000 warga Felda dari seluruh negara.

"Pada himpunan ini kami telah menghadiri Forum Perdana: Malam Bersama Ustaz Moham-

mad Kazim Elias; Malam Cinta Rasul serta Konvensyen Generasi Baharu Felda," katanya ketika dihubungi selepas penutupan program berkenaan.

Tambah Datu Rosman, peluang mereka menyertai slot forum Pemerikasaan Sosial dan Komuniti Generasi Baharu Felda Cemerlang di Dataran Pancarona Putrajaya itu juga sangat bermakna apabila para panel forum terdiri daripada tokoh tersohor yang merupakan Ahli Lembaga Pengarah Felda, Datuk Ehsanuddin Mohd. Harun Narrashid.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UMS, Prof. Madya Dr. Ismail Ali ketika dihubungi berkata, pihaknya sentiasa menyokong program-program seumpama itu demi pembangunan generasi muda.